

TOK GURU DALA – PERANAN DAN SUMBANGAN DALAM PENDIDIKAN ISLAM NUSANTARA

Zati Azmina Binti Jaafar
Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
azmina@kuis.edu.my

Makalah ini membincangkan mengenai seorang tokoh ilmuan yang berasal dari Patani dikenali dengan gelaran Tok Guru Dala atau nama sebenar beliau adalah Haji Abdul Rahman bin Muhammad Arshad. Seorang guru yang amat disenangi dalam kalangan anak-anak didik beliau dan sangat banyak menyumbang bakti dalam dunia pendidikan Islam, khususnya ketika mula membina sebuah institusi pendidikan Islam yang dikenali dengan Pondok Dala. Justeru objektif utama makalah ini ingin mengupas peranan dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan Islam sebagai guru agama di Nusantara. Melalui hasil makalah ini dapat disimpulkan Tok Guru Dala merupakan seorang tokoh ilmuan yang dilahirkan untuk menjadi guru agama yang disegani. Ini dapat dilihat melalui peranan dan sumbangannya, ketekunannya mengajar bertahun-tahun, dedikasinya kepada tugas-tugasnya, telah memberi impak besar dalam bidang pendidikan Islam dan telah diiktiraf sebagai tokoh guru agama yang amat dikagumi dalam kalangan masyarakat islam Nusantara.

Kata Kunci : *Tok Guru Dala, Peranan, Sumbangan, Pendidikan Islam Nusantara*

Pengenalan

Pendidikan merupakan tunjang ketamadunan sesebuah negara. Pendidikan yang cemerlang tidak akan dapat dicapai jika tiada tokoh guru yang berkaliber dalam sesebuah institusi pendidikan. Tokoh-tokoh guru dapat dikenali melalui peranan serta sumbangan yang telah dilaksanakan sepanjang menggalas tugasnya sebagai seorang guru. Tokoh-tokoh guru ini tidaklah asing di bumi Nusantara. Umumnya masyarakat telah mengetahui bahawa terdapat ramai tokoh-tokoh ulama' Nusantara yang terdiri daripada tok guru-tok guru terkemuka yang berasal dari Patani.

Tok Guru Dala, satu nama yang sangat masyhur di Patani. Digelar dengan panggilan Tok Guru Dala kerana ketinggian ilmu yang diperolehi (sehinggakan pernah diriwayat bahawa Kitab Minhajul Tholibin ada di dalam dadanya) serta sumbangan beliau dalam bidang pendidikan yang sangat lama. Beliau diantara salah seorang tokoh guru agama yang banyak mencurah jasa di bumi Patani. Jasa beliau terus diingati hingga ke hari ini bukan sekadar sebagai seorang tokoh yang banyak memberi peranan dan sumbangan dalam bidang pendidikan islam di Patani, tetapi juga sebagai pengasas sebuah pondok yang terkenal di bumi Patani iaitu Pondok Dala.




Rajah 1: Peta Patani, Thailand

Biografi

Nama penuh beliau ialah Haji Abdul Rahman bin Muhammad Arshad, lahir di Kampung Tok Bidan, Dala, dalam daerah Jambu, Patani lebih kurang pada tahun 1898. Ayah beliau, Muhammad Arshad, adalah seorang guru agama pondok. Manakala ibunya, Mek Puteh, disebut-sebut berasal dari Kampung Sebang, Penarik. Datuk beliau, Abdul Ghani dikatakan berasal dari negeri Terengganu. Beliau adalah anak sulung daripada lima orang adik-beradik dalam keluarganya. Adik-beradik lainnya ialah Haji Abdul Samad, Haji Muhammad, Habibah dan Idris. Cuma beliau satu-satunya anak seibu sebapa bagi pasangan ayah ibunya, manakala anak-anak yang lain adalah sama ada seibu atau sebapa sahaja. Beliau telah mendirikan rumah tangga sebelum beliau berangkat belajar di Makkah bersama isteri beliau yang pertama iaitu Sarah binti Haji Idris (anak kepada guru beliau – Haji Idris Abdul Karim). Tempat perkahwinan beliau di Kampung Teluk Kapur, Jambu, Patani. Beliau mempunyai empat orang isteri iaitu Sarah, Umi Kalthum (berasal dari Sadao), Maryam (berasal dari Kampung Chengal, Jambu) dan Fatimah (berasal dari Kampung Kelubi, Dala). Jumlah kesemua anak-anak beliau adalah 21 orang dengan 18 orang daripadanya masih hidup ketika beliau meninggal dunia. Anak beliau yang terakhir (bongsu) – Abdul Rahim – lahir pada waktu beliau sedang dalam sakit yang agak tenat.

Tok Guru Dala meninggal dunia pada tahun 1975, tepatnya pada waktu Subuh, jam 5.22 pagi, hari Rabu 29 Rejab 1395 (bersamaan 6 Ogos 1975). Dibandingkan dengan rakan-rakan ulama' sezamannya, beliau termasuk diantara ulama' yang berumur panjang. Jenazah beliau dikuburkan bersendirian di hadapan madrasahnyanya iaitu masih dalam kawasan pondok. Menurut riwayat, beliau enggan dikuburkan di tanah perkuburan Islam berdekatan dengan rumahnya, tetapi sebaliknya mengarahkan anak-anak muridnya supaya menggali kubur khusus untuknya di hadapan madrasah atau balas tempat beliau mengajar. Arahan ini dikeluarkan saat beliau sedang dalam sakit.



Rajah 2: Tok Guru Dala (Haji Abdul Rahman bin Muhammad Arshad)

Kehidupan Dan Keperibadian Tok Guru Dala

Paling menarik dalam kehidupan Tok Guru Dala ialah peribadinya. Rata-rata mereka yang mengenalinya sangat mengagumi akan sifat dan watak peribadi beliau yang dikatakan sangat warak dan kuat beribadat. Berkat pengaruh ilmu dan kekuatan peribadinya, ramai anak-anak muridnya menjadi orang-orang yang alim yang terkemuka, baik di Patani maupun di luar Patani.

Seorang anak murid beliau Haji Zakaria daripada Kampung Bechah, Pekbut (dikenali juga sebagai menantu Tok Guru Dala) menyatakan bahawa gurunya seorang yang warak dan tidak melihat wanita ajnabi. Ada banyak cerita yang diriwayatkan mengenai ketaatan beliau dalam perkara “ghadhul bashar” ini yang menunjukkan bahawa disiplin beliau dalam perkara yang satu ini sangat keras baik bagi dirinya sendiri maupun bagi murid-muridnya. Ahmad (anakny) menceritakan bahawa anak-anak lelaki beliau tidak pernah dibenarkan masuk ke ruang dapur kerana dibimbangi ada perempuan ajnabi (jiran atau tetamu wanita) yang berkunjung ke rumah. Hal ini berlaku kepada anak-anak lelaki yang telah mencapai umur baligh.

Selain itu salah seorang anak murid Tok Guru Dala yang sering disebut-sebut oleh Tok Guru Dala adalah Tuan Haji Hussin Che Dol (berasal dari Guar Chempedak, Kedah) yang mempunyai pertalian keluarga dengan isteri pertama Tok Guru Dala iaitu Sarah (ibu saudara sepupu). Namun diberitakan setelah Sarah berkahwin dengan Tok Guru Dala, beliau tidak pernah lagi dapat melihat Sarah kerana Tok Guru Dala sangat menjaga batas-batas pergaulan diantara lelaki dan perempuan. Hal ini terjadi kerana, menurut Tok Guru Dala, Tuan Haji Hussin masih boleh berlaku hokum perkahwinan kerada keduanya tidak mahram. Begitu juga anak-anak murid yang lainnya tidak pernah dapat melihat wajah isteri-isteri beliau kecuali selepas beliau meninggal dunia.

Seorang anak murid beliau yang bernama Abdul Aziz @ Muhammad bin Mustafa, menyatakan bahawa gurunya sangat mengambil berat dalam perkara mengenai pandangan. Menurutnya beliau pernah keluar bersama gurunya itu dengan menaiki sebuah kenderaan yang dipasang tabir di antara tempat duduk lelaki dan perempuan.

Dari aspek lain kehidupan Tok Guru Dala, jadual hariannya padat dan beliau tidak menggunakan masa pada perkara yang sia-sia. Biarpun sudah meningkat usia, tugas beliau sangat padat seperti mengajar, beribadah (seorang yang sangat kuat beribadah), menerima kunjungan tetamu atau melayani undangan masyarakat dan orang perseorangan serta lain-lain tugas semasa.

Secara umumnya, jadual harian beliau bermula beberapa jam sebelum Subuh. Beliau bangun awal untuk qiamullail dan kemudian bersambung dengan solat jemaah subuh bersama anak-anak muridnya. Selepas subuh, beliau berehat sebentar sambil bersarapan bersama keluarganya. Kemudian pada jam 9.00 pagi, beliau akan mula mengajar (khusus kepada pelajar-pelajar peringkat tinggi) di pondoknya. Bagi pelajar peringkat permulaan, beliau biasanya menyerahkan tugas kepada anak-anak murid beliau yang terlatih atau dikenali sebagai (orang kanan).

Menjelang waktu Zohor, beliau akan berhenti mengajar, untuk “rehat tengah hari”. Masa yang agak panjang ini beliau gunakan untuk sembahyang Zohor berjemaah, makan tengah hari dan sedikit untuk *qailulah* (tidur sebentar di waktu Zohor). Selepas solat Asar, beliau mengajar lagi, untuk selama kira-kira satu jam. Kitab yang biasa beliau baca selepas Asar ialah kitab “Hikam Ibn Ata” (kitab jawi terjemahan Tok Pulau Manis, Terengganu). Sedikit masa terluang di antara waktu selepas mengajar dengan masa sebelum masuk waktu Maghrib, beliau habiskan dengan menerima tetamu yang mempunyai hajat untuk bertemu dengan beliau atau berjalan-jalan memeriksa kawasan pondok.

Selepas Maghrib sebelum menjelang waktu Isyak, beliau kembali mengajar dan kebiasaannya beliau membaca kitab Minhaj al-Abidin yang merupakan kitab wirid beliau pada waktu malam. Beliau membaca kitab ini berselang-selang dengan kitab Tafsir al-Jalalain (satu lagi kitab wirid yang dibaca pada waktu malam).

Tugas beliau tidak berakhir selepas solat Isyak, kerana sebelum pulang beliau perlu menyelesaikan tugas yang berkaitan dengan organisasi pondoknya iaitu dengan mengadakan perbincangan atau muzakarah bersama anak-anak muridnya yang terlatih sebagai “orang kanan” atau pembantu-pembantu pondoknya. Perbincangan ini dibuat bertujuan untuk mendengar laporan harian dan mengetahui menyelesaikan permasalahan yang berbangkit di kalangan pelajar atau memutuskan sebarang perkara untuk diambil tindakan.

a) Sifat-sifat tambahan Tok Guru Dala

- i. Beliau gemar menunggang kuda. Beliau hanya menunggang kuda untuk kawasan-kawasan yang berdekatan sahaja contohnya memeriksa kawasan pondok. Selain berkemahiran menunggang kuda, beliau juga terkenal sebagai seorang yang penyelam dan pelari yang hebat.
- ii. Beliau gemar memakai jubah, baik di rumah sendiri mahupun untuk memenuhi undangan di luar. Jubahnya berwarna putih, lengkap dengan bertongkat dan berpayung.
- iii. Seorang yang pendiam, dan jika bercakap, beliau sangat berhati-hati dan cermat mengeluarkan perkataan. Beliau juga dikatakan memiliki raut wajah yang cerah serta manis saat berkata-kata.

- iv. Seorang yang sangat prihatin terhadap perkara-perkara shubhah, apalagi yang haram. Dalam hal ini, beliau mengambil sikap tidak merokok dan sangat keras menghukum murid yang diketahui merokok dalam kawasan pondoknya.
- v. Kerap menangis ketika mengajar, terutama apabila menyentuh bab-bab yang melibatkan ancaman (al-wa'id)
- vi. Latihan sembahyang yang dilakukannya sangat keras. Beliau mengejutkan sendiri anak mmuridnya untuk bangkit sembahyang Subuh pada ketika beliau turun ke sungai berhampiran untuk mandi. Namun seandainya anak muridnya masih belum bangkit setelah beliau selesai mandi, maka beliau sendiri akan menghukum pelajar-pelajarnya dengan menjirus air.
- vii. Kebiasaannya beliau mendirikan qiamullail dan mewajibkan berjemaah bersama anak-anak muridnya. Sekiranya terdapat anak-anak muridnya yang tidak mendirikan solat berjemaah, maka hukuman rotan sebanyak tiga kali akan dikenakan. Jika selepas hukuman rotan tersebut, pelajar masih tidak mengendahkan solat berjemaah, maka beliau akan mengusir pelajar berkenaan keluar dari pondok beliau. Ketegasan beliau dalam mendirikan solat berjemaah dapat dilihat hingga ke saat-saat akhir hayatnya iaitu beliau tetap menjadi imam anak-anak muridnya.
- viii. Beliau sentiasa memenuhi undangan ke rumah-rumah tetangga dan kenalan. Walaubagaimanapun, beliau tidak akan memenuhi undangan, sekiranya rumah yang akan dikunjungi tidak mempunyai tabir atau terdapat gambar-gambar yang tergantung di dinding-dinding rumah.
- ix. Beliau melayani tetamu bagi memenuhi hajat atau keperluan tetamu. Tetamu yang datang kerumahnya akan dihidangkan hidangan nasi sebelum pulang, Selepas itu beliau akan kembali dengan rutin jadualnya iaitu mengajar, sembahyang, membaca al quran, berselawat (beliau pengamal selawat *Lum'ah al-Aurad*) atau bertasbih.

Pendidikan

Pendidikan awal diperolehi daripada bapanya sendiri (Muhammad Arshad) yang disebutkan berkerja sebagai guru agama. Kemudian beliau menimba ilmu dengan Tuan Guru Haji Idris Abdul Karim (lebih dikenali dengan nama Pak Chu Yeh) di Kampong Tok Raja Haji, Jambu, Patani. Setelah selesai pengajian pondok disitu, beliau menyambung pelajarannya di Makkah al-Mukarramah. Tidak ada maklumat diperoleh mengenai tarikh dan umur beliau pada waktu pada waktu berangkat ke Makkah.

Sewaktu di Makkah, beliau diantara pelajar yang pernah berguru dengan Syeikh Wan Daud bin Wan Mustafa al Fatani (meninggal 1936) atau lebih dikenali dengan panggilan "Pakcik Daud", dan juga pernah berguru dengan Syeikh Wan Ismail bin Wan Abdul Kadir atau dikenali sebagai Pak Da El Patani, (meninggal pada 1965). Di samping itu beliau juga sempat berguru dengan Tok Shafi'e (dalam ilmu tasawwuf) dan Tok Ahyad (dalam bidang usuluddin). Apabila beliau pulang ke Patani pada awal dekad 1930-an, beliau disebut-sebut sebagai "alim nahu dan tasawwuf".

Peranan Dan Sumbangan Dalam Pendidikan Islam

Pada ketika beliau mendirikan rumah tangga bersama Sarah, beliau telah pun membangunkan rumah dan madrasahnyanya di Kampung Dala dikenali juga dengan nama (Chengal Berbulu) berdekatan dengan kampung kelahirannya – Kampung Tok Bidan. Beliau berpindah ke Dala selepas mendirikan rumah tangga, dan ketika itulah beliau mula melibatkan diri dalam kerjaya yang dipilihnya – menjadi guru pondok. Menurut anak murid beliau iaitu Haji Yahya Rafa'ie al-Malakawi, bahawa beliau belajar di Dala pada tahun 1943, yang mana pada ketika itu, Pondok Dala sudah tujuh tahun dibangunkan. Berdasarkan penerangan ini, dapatlah disimpulkan bahawa Pondok Dala – al Madrasah al Imaniah al Dalawiah – sekurang-kurangnya telah diasaskan pada tahun 1936, iaitu pada ketika umur anak murid tersebut berusia 38 tahun. Anggaran ini dibuat kerana tidak ada cacatan mengenai tarikh pondok ini dibuka dan juga tidak diketahui berapakah umur Tok Guru Dala ketika memulakan kerjaya beliau sebagai guru pondok tersebut.



Rajah 3 : Pondok Dala Patani

Selain mempelajari ilmu tasawwuf dan usuluddin, beliau juga sangat mencintai ilmu nahu dan saraf (ilmu tatabahasa arab). Oleh kerana kemahirannya dalam menguasai ilmu tersebut, beliau telah dikenali di kalangan sahabat-sahabatnya dengan gelaran “Tok Sibawaih”.

Penguasaan dan pencapaian ilmu beliau dapat diukur melalui tiga lapangan ilmu agama yang sangat dominan di pondok-pondok di Nusantara; Usuluddin, fiqh dan tasawwuf. Dalam bidang usuluddin, beliau mengajar *Dusuqi* dan *Kifayah al-Awwam*. Dalam bidang fiqh, beliau mengajar Tahrir Fath *al-Mu'in*, *al-Bajuri*, *Fath al-Wahhab* dan *al-Iqna'*. Sementara untuk tasawwuf beliau menggunakan *Minhaj al-Abidin* dan *Hikam Ibn Ata'*. Selain itu, beliau juga ada mengajar *Tafsir Jajalain* serta beberapa buah kitab hadith.

Adapun dalam bidang ilmu yang sangat beliau kagumi (nahu dan saraf) maka kitab-kitabnya ialah *Mutammimah*, *Alfiah*, *Syeikh Khalid*, *Matan Ajrumiah* dan Ibnu Aqil. Kehebatan beliau dalam menguasai ilmu ini dapat diukur, apabila salah seorang dari isteri beliau yang bernama Fatimah (berasal dari Kampung Kelubi, Dala) mampu memahami dan mengajar kitab nahu yang termasyhur iaitu kitab *Ibn Aqil*.

Selain daripada itu, beliau juga ada mengajar beberapa buah kitab jawi karangan ulama' Patani seperti Bughyat al-Tullab, Faridat al-Fara'id, Aqidah al-Najin, Kasyf al-Litham dan lain-lain.

Pada waktu beliau meninggal dunia pada tahun 1975, beliau dikatakan telah mengajar selama lebih kurang 40 tahun di pondok yang diasas dan dimajukan sendiri iaitu al-Madrasah al-Imaniah al-Dalawiyah atau dikenali dengan nama Pondok Dala.

Anak-Anak Murid Tok Guru Dala

Di Patani, pelajar-pelajar lepasan Pondok Dala sangat dihormati dalam penguasaan Ilmu Nahu dan Sorof. Setiap murid yang dapat menghabiskan masa belajar selama 10 tahun (jangkamas maksimum) di Pondok Dala, pelajar tersebut sudah cukup layak untuk menjadi guru penolong di mana-mana pondok di Patani. Sekiranya mereka melanjutkan pengajian di Makkah, maka si murid sudah dianggap layak untuk membuka pondoknya sendiri.

Rata-rata pelajar-pelajar Tok Guru Dala menjadi seorang yang alim dan dapat membuka pondok sendiri. Berikut disenaraikan nama-nama anak-anak murid beliau yang masyhur.

- 1- Haji Abdul hamid Naba (Penarik)
- 2- Haji Abdullah Marbawi (Jaha, Yala)
- 3- Haji Abdullah (Bendang Padang, Binjai Lima)
- 4- Haji Ismail Marbawi (Telaga Sembilan)
- 5- Haji Abdul Hamid (Telaga Sembilan)
- 6- Haji Yusof (Tanjung, Palas)
- 7- Haji Uthman (Palas)
- 8- Haji Muhammad Ramli (Katong, Jaha, Yala)
- 9- Haji Abdul Rahman (Kelubi, Dala)
- 10- Haji Muhamad Taha (Kok Por)
- 11- Haji Zakaria Lutfi (Bangkok)
- 12- Haji Ismail (Yang Dipertua Majlis Agama Islam Legor)
- 13- Haji Abdullah Jabi (Nongchik)
- 14- Haji Zakaria (Bechah, Pekbun)
- 15- Haji Abdul Kadir (Bukit Sudor, Beris Pekbun, Narathiwat).
- 16- Haji Zakaria (Tendung, Rakak)
- 17- Haji Abdullah Haji Hassan (Chendik, Dusun Nyiur, Tanjung Mas)
- 18- Haji Hassan (Bukit Bala, Rakak)
- 19- Haji Mahmud (Penarik, Patani)
- 20- Haji Mahmud (Belukar Luas, Rakak)
- 21- Haji Abdullah Ahmad (Teluk Sumai, Yala)
- 22- Haji Muhammad (Kerisek, Patani)
- 23- Abdullah Doyan (Nad Kuin, Narathiwat)
- 24- Haji Yahya Rafai'e al Malakawi (Yala)
- 25- Haji Ismail (Kerisek, Patani)

Penutup

Tok Guru Dala dikatakan seorang guru agama pondok yang sangat terkemuka dan disegani di Patani baik dari segi ilmunya, apalagi peribadi dan sifat-sifatnya. Reputasi sebagai seorang ulama' tidak banyak berbeza daripada reputasi yang pernah dinikmati oleh Tok Bermin sebelumnya. Beliau Berjaya melahirkan ramai "tok guru" bagi menyambung tugasnya menjadi tok guru selepas kematiannya. Kehidupannya yang sederhana serta keazamannya untuk tetap mengajar di pondok telah menyebabkan beliau menolak jawatan Qadhi Patani yang pernah ditawarkan untuknya. Biarpun beliau tidak sempat menghasilkan sebarang karya penulisan sebagaimana yang biasa dilakukan kebanyakan ulama' Patani yang lain, namun beliau Berjaya melahirkan salah seorang penulis sastra jawi yang produktif di Patani pada sekitar tahun 1970-an iaitu Haji Yahya Rafi'e al-Malakawi. Tok Guru Dala sememangnya seorang tokoh guru agama yang berkaliber kerana dedikasinya dan ketekunannya terhadap tugasnya dalam menyebarkan ilmu mencapai usia 40 tahun dalam bidang pendidikan. Justeru ketekunan, semangat, sumbangan serta peranannya dalam bidang pendidikan wajar dicontohi dan diteladani untuk menyebarkan ilmu pendidikan dalam menempuh arus pendidikan yang lebih mencabar pada masa kini dan akan datang.

Rujukan

- Adam Salleh (2016). *Jaulah Tarbawi di Thailand*. Harian Metro 17 Jun 2016, Malaysia.
- Ahmad Fathy al-Fatani (2013). *Ulama' Besar Dari Patani*, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan.
- Hasan Madmaran (2001). *Pondok dan Madrasah di Patani (Edisi Jawi)*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Mahamabookhoree Aboosalae (2001). *Kedudukan Institusi Pondok Dalam Pembangunan Belia Islam Di Patani Thailand*, Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Mohd. Kamil Yusuff (2009). *Senarai Pusat Pengajian Pondok di Thailand*. Pusat Pembangunan Pondok Berhad. Thailand.
- Numan Hayimasae. *Jaringan 'Ulama Patani Dengan Utara Semenanjung Tanah Melayu Abad Ke-18 Dan Ke-19*.
- Waemasna Wae Yusoh (2016). *Hampir 200 Sekolah Pondok Majukan Pendidikan Islam di Pattani*. Bernama 16 Februari 2016. Malaysia.